



## **Pameran Umrah, Haji dan Pelancongan Antarabangsa 2023 perkukuh industri pelancongan muslim**

Oleh Essa Abu Yamin - Ogos 7, 2023 @ 5:18pm  
essabuyamin@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Pameran Umrah, Haji dan Pelancongan Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 dilihat dapat memacu pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam industri pelancongan muslim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata pameran yang disertai pemain industri pelancongan membabitkan negara dari Asia Barat termasuk dari Makkah dan Madinah itu memainkan peranan penting dalam sektor umrah, haji, dan pelancongan antarabangsa.

Selain itu, katanya, ia memberi peluang kepada penggiat industri dan pihak berkepentingan untuk menjalin rangkaian, berkongsi pandangan, dan bekerjasama ke arah matlamat bersama.

"Pasarannya pelancongan muslim terus berkembang pesat didorong oleh kemajuan teknologi dan perubahan demografi," katanya ketika merasmikan Pameran Umrah, Haji dan Pelancongan Antarabangsa Kuala Lumpur 2023 di sini, hari ini.

Mohd Na'im berkata, pembabitannya dalam pasaran pelancongan muslim memberi potensi besar kepada Malaysia dan negara yang terbabit, khususnya dalam industri pelancongan.

Dengan memanfaatkan segmen berkenaan, katanya, negara boleh membuka banyak peluang perniagaan dan aliran hasil serta menyumbang dengan pesat kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) serta ekonomi global.

"Ia juga platform yang baik bukan sahaja untuk mempamerkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan terbaharu, malah dapat membina hubungan dengan bakal pelanggan dan pihak berkepentingan industri yang berkenaan," katanya.

Katanya, orang ramai juga digalakkan menggunakan peluang berkenaan sebaik mungkin dengan membabitkan diri dan bekerjasama dengan semua pempamer atau peserta dalam pameran itu.